



**HMT223/4-MORFOLOGI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
SIDANG AKADEMIK 2020/2021
SEMESTER 2**

ULASAN KRITIS:

**ARTIKEL KRITERIA PENGGOLONGAN KATA: BAHASA YUNANI,
INGGERIS DAN MELAYU**

GAMBAR	NAMA PENUH	NO.I/C	NO Matrik	NO TELEFON BIMBIT
	<p style="text-align: center;">NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID</p>	<p style="text-align: center;">980620025749</p>	<p style="text-align: center;">141084</p>	<p style="text-align: center;">016-4188415</p>
	<p style="text-align: center;">NUR IZZATI BINTI ISHAK</p>	<p style="text-align: center;">980214115468</p>	<p style="text-align: center;">141547</p>	<p style="text-align: center;">019-9833867</p>

PENGENALAN

Aspek penggolongan kata dimulai dengan ahli-ahli falsafah Yunani dan Romawi kerana mereka merupakan kelompok sarjana awal. Pada zaman Yunani, linguistik bukan merupakan satu disiplin ilmu tetapi ahli-ahli falsafah Yunani memahami perlakuan bahasa menyebabkan perkataan dikelompokkan ke golongan-golongan tertentu. Secara tidak langsung kajian tatabahasa berasaskan penggolongan perkataan dimulakan. Menurut Robins (1951), kajian ini kemudian dijadikan asas penelitian linguistik Eropah dan beberapa bahasa lain di dunia.

PENGGOLONGAN KATA TRADISIONAL

Penggolongan kata tradisional dikaitkan dengan penggolongan kata yang dilakukan oleh ahli-ahli falsafah Yunani dan Romawi. Penggolongan kata umumnya menggunakan kriteria semantik namun berdasarkan Plato mengkategorikan kata ke dalam dua golongan utama iaitu kata nama (*onoma*) dan kata kerja (*rhema*). Berasaskan kriteria Aristotle membahagikan kata kepada dua golongan utama juga iaitu *full words* (kata nama dan kata kerja) dan *form words* (kata hubung).

Penggolongan kata turut diteliti oleh golongan Stoik iaitu kriteria penggolongan kata bukan berdasarkan aspek semantik dan fungsian semata-mata namun perincian terhadap semantik menyebabkan golongan kata telah bertambah kepada lima golongan iaitu kata nama am, kata nama khas, kata kerja, kata hubung dan kata artikel. Pada zaman Alexandria pula golongan kata dibahagikan kepada lapan kelas iaitu kata nama, kata kerja, kata partisipel, kata artikel, kata ganti nama, kata depan, adverba dan kata hubung. Hal ini boleh disimpulkan penggolongan kata didasarkan kepada makna yang didukung kerana ia dilakukan sama seperti bidang ilmu yang lain iaitu diteliti dari sudut falsafah.

PERGOLONGAN BAHASA INGGERIS

Penggolongan kata Bahasa Inggeris kriterianya terdiri daripada tiga jenis iaitu kriteria tradisional, formal (morfologi) dan kriteria fungsian atau sintaksis. Kriteria tradisional Bahasa Inggeris dimulakan pada zaman Yunani dan Romawi lagi dan diteruskan oleh ahli tatabahasa Eropah (Gleason, 1965 & Bloomfield, 1992). Berdasarkan kriteria ini, setiap golongan kata diberikan makna golongan dan definisinya misalnya kata nama sebagai “nama bagi orang, tempat atau benda” manakala kata kerja sebagai “perbuatan yang dilakukan”. Walau bagaimanapun, definisi tersebut tidak dapat diterapkan sepenuhnya kerana tidak semua perkataan dalam sesuatu golongan mempamerkan makna yang sama. Contohnya perkataan *fire*, dan *heat* dalam kata nama. Ini disebabkan kedua-dua perkataan ini tidak menunjukkan, dengan jelas, bahawa ia menamakan sesuatu benda, perkara atau peristiwa (Bloomfield, 1982). Oleh itu, kriteria semantik sukar untuk dipertahankan sebagai kriteria utama dalam penggolongan perkataan.

Golongan kata berdasarkan aspek morfologi ialah imbuhan menjadi penanda. Dalam bahasa Inggeris, sebahagian besar bentuk fleksi menjadi penanda golongan, misalnya kata kerja boleh diakhiri dengan imbuhan -ed (sewed), -n (sewn) dan -ing (sewing). Kriteria morfologi yang

turut menggolongkan kata berdasarkan hubungan paradigmatic, contohnya penggolongan kata adjektif. Namun begitu, ahli-ahli linguistik barat lebih mengutamakan kriteria fungsian, iaitu meneliti kehadiran kata di dalam sesuatu binaan sintaksis.

Berdasarkan kepada aliran struktural, kajian penggolongan kata perlu diteliti pada peringkat sintaksis yang mana kata nama berfungsi sebagai pelaku dan kata kerja berfungsi sebagai perbuatan. Dari segi urutan pula, kata nama mendahului kata kerja (Bloch & Trager, 1942 & Bloomfield, 1992). Setiap bahasa mempunyai sistem sintaksisnya yang tersendiri dan sistem ini ditentukan oleh susunan golongan kata. Penggolongan kata dilihat dari sudut posisi atau kedudukan sesuatu kata di dalam ayat. Berdasarkan kedudukan kata dan susunannya di dalam ayat, fungsi kata tersebut berfungsi sebagai subjek, predikat, pelengkap, penerang atau sebagai objek.

Menurut model menerusi teknik gatra dan pengisi (slot and filler) menghuraikan bahasa yang mempunyai pelbagai golongan kata yang berbeza bahkan posisi dan fungsi ini boleh mengubah golongan sesuatu kata. Contohnya kata nama, kata kerja atau kata adjektif boleh berfungsi sebagai predikat namun sebaliknya golongan kata yang sama mungkin melakukan pelbagai fungsi yang berbeza, misalnya kata nama boleh berfungsi sebagai subjek, predikat dan objek. Asas penggolongan kata yang digunakan oleh Chomsky ialah kata nama dan kata kerja sahaja kerana bagi Chomsky kata adjektif ialah golongan berkongsi ciri-ciri sintaksis kata nama dan kata kerja manakala kata preposisi pula ialah golongan kata dikatakan tidak mempunyai kedua-dua ciri kata nama dan kata kerja tersebut.

Berdasarkan aliran transformasi yang menjadikan kata nama dan kata kerja sebagai asas penentuan golongan kata di samping aspek kata inti. setiap golongan kata mempunyai fungsi tipikalnya yang tersendiri dan fungsi tipikal ini diteliti dari dua aspek, iaitu fungsi semantik dan fungsi sintaktik. Bagaimanapun, Dik (1989), Croft (1991), Hengeveld, (1992), Bhat (1994) dan Beck (2004), berpendapat bahawa golongan kata boleh ditentukan dengan meneliti fungsi sintaktiknya, iaitu berdasarkan fungsi setiap golongan kata di dalam ayat atau wacana.

PENGGOLONGAN BAHASA MELAYU

Penggolongan kata dalam bahasa Melayu hampir menyamai kriteria penggolongan kata bagi bahasa Yunani dan bahasa Inggeris. Pada umumnya, terdapat tiga kriteria penggolongan kata bahasa Melayu, iaitu kriteria tradisional, kriteria morfologi dan kriteria sintaksis. Bagi kriteria tradisional ia mengutamakan aspek semantik dan bagi bahasa Melayu kriteria ini digunakan tetapi digabungkan dengan kriteria lain. Berdasarkan kriteria semantik kata nama contohnya diuraikan sebagai kata yang menamakan orang, tempat atau benda sama ada benda itu hidup atau tidak, manakala perkataan yang menunjukkan perbuatan dianggap sebagai kata kerja (Asmah Hj Omar 1993).

Namun penggunaan sepenuhnya terhadap kriteria semantik untuk menentukan penggolongan sesuatu kata adalah tidak wajar. Terdapat beberapa perkataan seperti tidur, patah dan tenggelam merupakan kata kerja yang tidak digolongkan sebagai kata kerja jika mengikut kriteria makna kerana perkataan tersebut tidak memberi gambaran makna sesuatu perbuatan (Ashraf Abdul Wahab 1978). Berdasarkan ciri morfologi, penggolongan kata diteliti dari aspek imbuhan iaitu imbuhan dijadikan ciri bagi menunjukkan kumpulan sesuatu kata ke dalam golongan

tertentu. Nik Safiah Karim (1989) menyenaraikan setiap golongan kata mempunyai imbuhan yang tersendiri contohnya bagi kata nama imbuhan seperti pe-, pem-, -an, pe-...-an, -el dan sebagainya, bagi kata kerja pula seperti me-, ber-, -i, meng-...-kan dan lain-lain lagi, bagi kata adjektif seperti ter-, se-, ke-...-an, -er dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penggunaan imbuhan semata-mata tidak boleh dijadikan penanda yang khusus bagi sesuatu golongan kata. Selain itu, kriteria fungsian merupakan kriteria yang meneliti kehadiran kata dalam sesuatu rangkai kata atau ayat. Teeuw menggunakan istilah valensi untuk menghuraikan perkataan yang boleh hadir bersama-sama kata adjektif contohnya, rumah besar, rumah yang besar, amat besar dan besar sekali. Kata adjektif boleh hadir selepas kata nama. Ciri yang digunakan sukar menentukan golongan kata bahasa Melayu, jadi aspek sintaksis dijadikan dasar dalam penggolongan kata bahasa Melayu.

Menurut Robin (1964) hubungan sintaksis dilihat berdasarkan tiga dimensi iaitu kedudukan sesuatu kata dalam struktur, kehadirannya bersama-sama perkataan lain dan kemungkinan kata tersebut mengalami penggantian. Perkataan yang mempunyai ciri-ciri sintaksis yang sama dimasukkan dalam golongan kata yang sama manakala bagi menentukan subgolongan sesuatu kata, kriteria morfologi digunakan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, aspek penggolongan kata sudah lama dikaji sejak zaman Yunani lagi. Bagi bahasa Melayu, aspek penggolongan kata merupakan satu aspek yang telah lama dikaji oleh ahli-ahli bahasa sama ada barat ataupun tempatan. Pada peringkat awal, bahasa Melayu terpengaruh dengan tatabahasa bahasa Inggeris untuk menentukan golongan kata bahasa Melayu. Apabila ia sudah dikaji dan dikembangkan, penggolongan kata bahasa Melayu dapat ditentukan. Kriteria penggolongan kata antara bahasa Inggeris, bahasa Yunani dan bahasa Melayu adalah hampir sama.

Terdapat beberapa kelebihan dan kelemahan tentang artikel ini supaya ia nampak lebih jelas dan sistematik. Kelebihan artikel ini ialah pengkaji memberi contoh yang mudah difahami dan memberi kriteria yang sama manakala kelemahan artikel ini pula ialah tiada objektif kajian, persoalan kajian dan dapatan kajian. Perkara ini menimbulkan kekeliruan kepada pembaca untuk mengenalpasti objektif dan persoalan kajian. Selain itu, pengkaji perlu membuat satu perbandingan antara ketiga-tiga bahasa tersebut untuk memudahkan lagi kefahaman kepada pembaca.

RUJUKAN

JAMALUDDN, N. (2008). Kriteria penggolongan kata: Bahasa Yunani, Inggeris & Melayu. *Jurnal Pengajian Umum Bil, 9*, 139-159.

Asmah Hj. Omar. 1993. "Word Classes in Malay". dalam. *Essays on Malaysia Linguistics*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka